

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

## 29 AUG USM, JOHNSON & JOHNSON BANTU PEROKOK BERHENTI MEROKOK



PULAU PINANG, 29 Ogos 2016 – Universiti Sains Malaysia (USM) berkolaborasi dengan Syarikat Johnson & Johnson Malaysia (J&J) bagi membantu kerajaan menurunkan bilangan perokok di negara ini yang mencatatkan jumlah sehingga 5 juta orang.

Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia, Dato' Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, inisiatif USM dan J&J bermula November tahun lalu itu seiring dengan pengukuhan perkhidmatan berhenti merokok yang dinamakan Perkhidmatan Berhenti Merokok mQuit atau mQuit Services yang dijalankan kerajaan.

“Melalui inisiatif ini, setiap agensi yang terlibat memainkan peranan masing-masing dalam mengukuhkan perkhidmatan nasihat dalam talian atau Quitline kepada perokok-perokok yang ingin keluar dari masalah ketagihan merokok.



“Libatsama pihak swasta dalam membantu kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti yang dibuat USM dan J&J adalah satu usaha murni yang perlu diperluas dan dicontohi pihak lain,” katanya dalam sidang media bersempena Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian Projek USM Tobacco Quitline di bawah Perkhidmatan MQuit di antara USM dan J&J di sini hari ini.

Dalam majlis yang sama, beliau turut menyaksikan penyerahan mock cheque berjumlah RM300,000 dari J&J kepada USM bagi menjayakan inisiatif bersama dalam projek USM Tobacco Quitline.





Hilmi juga berkata, statistik bagi tahun ini turut menunjukkan peningkatan dalam mengurangkan bilangan perokok yang mana daripada 4,710 perokok yang berdaftar, 1,223 daripadanya berjaya berhenti dari ketagihan merokok.

"Ia menunjukkan peningkatan dari 18 peratus pada tahun lalu kepada 26 peratus (2016). KKM akan terus menggiatkan usaha melalui 535 kliniknya, 45 hospital dan 145 fasiliti swasta yang menyediakan bantuan quitline termasuk USM dan sebagainya," katanya.



Dalam pada itu, Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman pula berkata, mana-mana individu yang ingin keluar dari belenggu ketagihan rokok boleh menghubungi talian USM Tobacco Quitline iaitu 04-6535999 bagi mendapatkan nasihat dan bimbingan secara profesional dan sistematik.

Teks: Marziana Mohamed Alias

Foto: Mohd. Fairus Md. Isa



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015